



Strategi RPH

BAB

1

Skala dan Jarak

»» Panduan RPH

»» Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.1 Skala dan Jarak		1.1.1 Menyatakan jarak mutlak, jarak relatif, skala nyata, skala lurus dan pecahan wakilan		Soalan 1		2
		1.1.2 Menerangkan jarak mutlak, jarak relatif, skala nyata, skala lurus dan pecahan wakilan		Soalan 2	TP1	
				Soalan 3	TP2	
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, pembaris, jangka tolok, benang, jalur kertas		Gallery Walk		Mengaplikasi		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		Peta pokok		Bekerjasama		

Buku Teks
m.s 4

»» Cadangan PDPC

1. Guru berbincang dengan murid tentang maksud skala dan jenis-jenis skala.
2. Murid menjawab soalan 1, soalan 2, soalan 3 dan soalan 4 dalam buku PBD Plus Geografi halaman 2.
3. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
4. Guru memberikan lembaran kerja kepada setiap kumpulan yang mengandungi peta pokok. Tajuk peta pokok tersebut ialah "Jenis-jenis Skala".
5. Pamerkan peta i-THINK yang telah lengkap di hadapan kelas.
6. Kumpulan lain memberikan komen tentang hasil kerja kumpulan yang lain pada *sticky note* dan menampal pada hasil kerja tersebut.
7. Murid melukis peta pemikiran tentang jenis-jenis skala di dalam buku nota.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- mengenal pasti skala nyata, skala lurus dan pecahan wakilan
- menjelaskan skala nyata, skala lurus dan pecahan wakilan

»» Panduan RPH

»» Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.1 Skala dan Jarak		1.1.1 Menyatakan jarak mutlak, jarak relatif, skala penyata, skala lurus dan pecahan wakilan		Soalan 5	TP1	3
		1.1.2 Menerangkan jarak mutlak, jarak relatif, skala penyata, skala lurus dan pecahan wakilan		Soalan 6	TP1	
				Soalan 7	TP2	
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks		Showdown		Mengaplikasi		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		Peta buih berganda		Bekerjasama		

Buku Teks
m.s 5 – 7

»» Cadangan PDPC

1. Guru berbincang dengan murid tentang maksud jarak dan jenis-jenis jarak.
2. Murid menjawab soalan 5, soalan 6 dan soalan 7 dalam buku PBD Plus Geografi halaman 3.
3. Guru membincangkan jarak relatif dan jarak mutlak dari rumah murid ke sekolah.
4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
5. Setiap ahli kumpulan menulis sama ada jarak relatif atau jarak mutlak kepada pernyataan yang diberi oleh guru.
6. Pada masa yang ditetapkan, semua murid menunjukkan jawapan secara serentak.
7. Setiap ahli membetulkan dan mengukuhkan jawapan rakan yang lain.
8. Guru berbincang bersama murid tentang cara murid datang ke sekolah dan tempoh masa perjalanan mereka ke sekolah untuk mengukuhkan pemahaman murid tentang jarak mutlak dan jarak relatif.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- mengenal pasti jarak mutlak dan jarak relatif
- menjelaskan jarak mutlak dan jarak relatif

»» Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.1 Skala dan Jarak		1.1.3 Menggunakan skala penyata, skala lurus dan pecahan wakilan untuk menentukan jarak sebenar		Soalan 8	TP3	4 – 5
				Soalan 9	TP4	
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, pembaris, jangka tolok, benang, jalur kertas, peta lakar		Peta i-THINK		Mengaplikasi		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		Peta alir		Bekerjasama		

»» Cadangan PDPC

1. Guru menerangkan kepada murid tentang cara mengukur jarak sebenar menggunakan skala penyata, skala lurus dan pecahan wakilan.
2. Guru berbincang dengan murid tentang alatan yang digunakan untuk mengukur jarak lurus dan jarak melengkung pada peta lakar.
3. Murid menjawab soalan 8 dan soalan 9 dalam buku PBD Plus Geografi halaman 4 dan 5 menggunakan pembaris, benang dan jalur kertas.
4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
5. Setiap kumpulan membuat peta alir untuk menunjuk cara mengukur jarak dengan menggunakan sama ada skala penyata, skala lurus atau pecahan wakilan.
6. Murid menyediakan peta alir untuk menunjukkan langkah-langkah:
 - (a) mengukur jarak lurus menggunakan pembaris atau jangka tolak
 - (b) mengukur jarak melengkung menggunakan benang atau jalur kertas
7. Hasil kerja setiap kumpulan dibentangkan di hadapan kelas.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- menggunakan pembaris / jangka tolak dan benang / jalur kertas untuk mengukur jarak
- menggunakan skala untuk menentukan jarak
- menggunakan skala penyata untuk menentukan jarak sebenar
- menggunakan skala lurus untuk menentukan jarak sebenar
- menggunakan pecahan wakilan untuk menentukan jarak sebenar

»» Panduan RPH						
Standard Kandungan (SK)		Standard Pembelajaran (SP)		Soalan dan Tahap Penguasaan (TP)		Halaman
1.1 Skala dan Jarak		1.1.4 Menentukan jarak sebenar berpandukan skala pada peta		Soalan 10	TP5	6 – 7
				Soalan 11	TP6	
		Buku Teks m.s 12				
BBM		PAK-21		KBAT		
Buku teks, pembaris, jangka tolak, peta lakar, pita ukur		Kerja Lapangan		Mengaplikasi		
EMK		i-THINK		Nilai Murni		
Kelestarian global		–		Bekerjasama, toleransi		

»» Cadangan PDPC

1. Guru menerangkan kepada murid tentang cara menentukan jarak antara dua tempat pada peta berdasarkan nisbah skala yang berbeza.
2. Guru berbincang dengan murid tentang idea perjalanan ke sesuatu destinasi dengan menggunakan peta berdasarkan skala dan jarak.
3. Murid menjawab soalan 10 dan soalan 11 dalam buku PBD Plus Geografi halaman 6 dan 7 menggunakan pembaris atau jangka tolak.
4. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
5. Setiap kumpulan ditempatkan di beberapa stesen di kawasan dalam sekolah.
6. Setiap kumpulan mengukur jarak sebenar beberapa tempat di kawasan sekolah dari stesen masing-masing menggunakan pita ukur.
7. Contohnya, Kumpulan 1 ditempatkan di kantin sekolah. Mereka perlu mengukur jarak sebenar dari kantin sekolah ke makmal sains.
8. Hasil kerja setiap kumpulan dibentangkan di hadapan kelas.

»» Kriteria Kejayaan

Murid berjaya:

- menentukan jarak di antara dua tempat pada peta berpandukan skala pada peta
- menentukan jarak di antara dua tempat pada peta berdasarkan nisbah skala yang berbeza
- mencadangkan idea perjalanan ke sesuatu destinasi berdasarkan skala dan jarak